

14/09/2003

JPJ tunggu arahan lanjut Kementerian Pengangkutan

BUKIT MERTAJAM: Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sedia mematuhi serta melaksanakan arahan kerajaan mengenai pengecualian cukai jalan motosikal bawah 150cc pada bila-bila masa walaupun kerajaan menetapkan 1 Januari tahun depan sebagai tarikh pengecualian cukai kenderaan itu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Emran Kadir, berkata JPJ bersedia melaksanakannya jika berlaku sebarang perubahan, manakala JPJ masih menunggu arahan daripada Kementerian Pengangkutan berhubung perkara itu.

Katanya, JPJ akan memaklumkan kepada orang ramai sedikit masa lagi dan beliau menyerahkan kepada Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Ka Ting, bercakap mengenai isu berkenaan.

"Ketika ini, saya tidak dapat memberi penjelasan lanjut mengenai perkara itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 2002 JPJ zon Utara, di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Seberang Prai (PSP), di Jalan Permatang Pauh, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah JPJ Pulau Pinang, Mohamad Nor Ismail serta 93 pegawai dan kakitangan JPJ Zon Utara membabitkan Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak, yang masing-masing menerima sijil khidmat cemerlang dan RM1,000 daripada Emran.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membentangkan Bajet 2004 di Parlimen mengenai pengecualian cukai jalan ke atas motosikal berkuasa tidak melebihi 150cc mulai 1 Januari tahun depan bagi mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah.

Kini, cukai jalan motosikal dikenakan mengikut enjin iaitu RM50 untuk motosikal kurang 75cc, RM55 (75cc-100cc) dan RM65 (101-150cc) di Semenanjung Malaysia.

Selain itu, cukai jalan bagi motosikal berkuasa antara 75 hingga 150cc di Sarawak hanya RM12 setahun, manakala di Sabah pula, cukai jalan bagi semua jenis motosikal hanya RM50.

Kini, kira-kira 12 juta pelbagai jenis kenderaan berdaftar dengan JPJ di seluruh negara dan daripada jumlah itu kira-kira enam juta motosikal berdaftar dengan JPJ.

Bagaimanapun, pihaknya sedia memulangkan kembali wang pemilik kenderaan terbabit yang memperbaharui cukai jalan selepas kerajaan memutuskan melaksanakan arahan itu lebih awal.

Emran yakin Kementerian Pengangkutan mempunyai cara tersendiri berhubung pembayaran insurans kerana ia untuk melindungi pemilik kenderaan berkenaan jika terbabit dengan kemalangan.